

Malaysia, Jepun bakal muktamad kerjasama bangun tenaga hidrogen

Inisiatif
terbaharu babit
PETROS dengan
kerjasama
PETRONAS

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Jepun bakal memuktamadkan kerjasama bagi membangunkan sektor tenaga baharu, hidrogen menjelang Mei ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, inisiatif terbaharu itu membabitkan syarikat minyak dan gas milik kerajaan Sarawak, Petroleum Sarawak Bhd (PETROS) dengan kerjasama PETRONAS.

"Premier Sarawak (Tan Sri Abang Johari Abang Openg) sudah memberi jaminan dan dengan sokongan Perdana Menteri (Jepun), Shigeru Ishiba, kerjasama dalam teknologi baharu ini dijangka berjaya, insya-AUah.

"Kami berharap dapat mempercepatkan proses ini untuk memenuhi sasaran menjelang Mei, sama ada di Tokyo atau Kuala Lumpur," katanya pada sidang media bersama Perdana Menteri Jepun, Shigeru Ishiba sempena lawatan rasmi pemimpin berkenaan ke Malaysia di sini, semalam.

Terdahulu, Anwar dan Ishiba bersama delegasi masing-masing mengadakan mesyuarat dua hala membincangkan kemajuan hubungan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu turut menyentuh keperluan pembabitan Jepun dalam sektor logam nadir dan kilang pemrosesan unsur nadir bumi

bukan radioaktif (RE-REE).

Mengenai Kepengerusian ASEAN-Malaysia, beliau berkata, pembabitan Jepun juga diperlukan dalam inisiatif strategik Grid Kuasa ASEAN (APG).

"Saya juga menyebut mengenai pembentukan APG yang membabitkan Laos, Thailand, Malaysia dan Singapura serta inisiatif kabel dasar laut dari Sarawak ke Semenanjung dan Singapura. Sudah tentu ini memerlukan pembabitan Jepun," katanya.

Anwar berkata, Malaysia dan Jepun turut membincangkan keperluan untuk mengekalkan keamanan serta menyokong Kod Tatalaku di Laut China Selatan, kerjasama Indo-Pasifik serta penyelesaian secara baik berdasar-

kan Konsensus Lima Perkara di Myanmar.

Sedia kongsi pengalaman

Sementara itu, Ishiba berkata, Jepun sedia bekerjasama dan berkongsi pengalaman serta kepakaran dengan Malaysia berkaitan isu bencana khususnya membabitkan banjir kerana negara ini sering terdedah risiko dan kerosakan akibat bencana itu.


"Kami juga bersetuju bahawa antara Jepun dan Malaysia, kami ingin bekerjasama dalam pelbagai bidang, dalam komuniti antarabangsa dan kami melihat ada persamaan dalam pandangan.

"Isu mendesak seperti Laut China Timur dan Laut China Selatan, Asia Barat serta situasi di Myanmar turut dibincangkan.

Kami mengadakan pertukaran pandangan secara terbuka dan bersetuju untuk berkomunikasi dengan lebih rapat," katanya.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Jepun dan Malaysia sahkan komitmen untuk perkuat kerjasama dengan fokus terhadap meningkatkan pemerkasaan rangkaian bekalan selaras dengan kerangka MADANI diketengahkan Anwar, dengan merujuk kepada langkah mengutamakan kelestarian, inovasi dan kemakmuran.

Ishiba menggambarkan persepakatan itu sebagai langkah penting memupuk pertumbuhan ekonomi dan kestabilan serantau, memperakui bahawa kedudukan strategik Malaysia di kawasan pertemuan Lautan Hindi



Anwar bersama Ishiba mengadakan sidang media bersama di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

HUBUNGAN EKONOMI MALAYSIA - JEPUN

- Jepun rakan ekonomi utama Malaysia dengan **2,821 projek pembuatan** babitkan penyertaan Jepun dilaksanakan di Malaysia setakat Jun 2024.

- Projek pelaburan berkenaan bernilai **RM105.2 bilion** (AS\$30.4 bilion) dan jana peluang pekerjaan **344,996 orang**.

- Jepun pelabur asing keempat terbesar dalam sektor pembuatan Malaysia.

- Jepun juga rakan perdagangan keempat terbesar dengan nilai perdagangan **RM156.75 bilion** (AS\$34.41 bilion) pada 2023.

dan Pasifik menyerlahkan kepentingannya sebagai hab serantau.

"Malaysia rakan strategik komprehensif yang berkongsi nilai dan prinsip asas dengan Jepun. Melalui inisiatif seperti pandangan ASEAN terhadap Indo-Pasifik dan realisasi Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka, Jepun berhasrat bekerjasama rapat dengan Malaysia, yang mempekerusikan ASEAN tahun ini untuk memimpin dunia ke arah kerjasama," katanya.

Memuji perkembangan pesat Malaysia dan kepimpinan Anwar di pentas global, beliau berkata: "Di pelbagai persidangan antarabangsa, saya terkesan dengan ucapan penuh semangat dan tulus Perdana Menteri Anwar. Kali ini saya berbesar hati dapat mengadakan perbincangan panjang lebar dengannya".

Jepun adalah pelabur asing keempat terbesar dalam sektor pembuatan di Malaysia dan rakan dagang keempat terbesar Malaysia, dengan jumlah dagangan bernilai RM156.75 bilion (AS\$34.41 bilion) pada 2023.